

**UCAPAN PERASMIAN**

**PROF. DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MESYUARAT PERTAMA MAJLIS PROFESOR  
NEGARA (MPN) CHAPTER UMS**

**16 JUN 2017 (JUMAAT) | 2.00 PETANG  
THEATRETTTE AHMAD NISFU,  
BLOK SENI, FKSW**

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

### **Salutasi**

YBrs. Prof. Dr D Kamarudin D Mudin  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan  
Antarabangsa)

YBrs. Prof. Dr Shahril Yusof  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan  
Inovasi)

YBrs. Prof. Dr. Ismail Ali  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan  
Alumni)

YBrs. Prof Dato' Mohd Hamdan Hj Adnan  
Pengerusi Majlis Profesor Negara Chapter UMS

Para Dekan, Pengarah, Profesor dan Prof. Madya  
serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati  
sekalian.

Marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama dalam satu majlis yang menjunjung tinggi ilmu pengetahuan.

Pada petang ini, kita akan menyaksikan mesyuarat pertama Majlis Profesor Negara atau singkatannya MPN Chapter UMS bertujuan untuk menggerakkan kepakaran para profesor dari pelbagai bidang kepakaran untuk membantu pembangunan negara.

## **Rakan-rakan seperjuangan dan hadirin hadirat yang saya hormati sekalian**

Seiring dengan fungsi Majlis Profesor Negara di peringkat nasional, pembentukan secara rasmi MPN Chapter UMS ini diharapkan akan menyumbang dari segi berikut iaitu,

Pertama, **membantu kegiatan pembangunan ilmiah** melalui penganjuran wacana dan seminar peringkat tempatan dan antarabangsa, memupuk budaya kesarjanaan dan keintelektualan dalam negara,

menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan kesarjanaan dan membina jaringan akademik dengan badan-badan luar negara.

Kedua, **membantu penggubalan dasar** dengan menganalisis masalah tertentu negara untuk mengenal pasti risiko dan kaedah penyelesaian, sentiasa prihatin terhadap perkembangan dunia akademik yang berkait rapat dengan keperluan negara serta bersifat proaktif mengukuh dan meningkatkan kelestarian penggubalan dan pelaksanaan dasar negara.

Dan yang ketiga, **melaksanakan fungsi advokasi sosial** yakni menjadi jambatan penghubung antara akademia negara dengan kerajaan, industri dan komuniti, menjadi saluran objektif penyuaraan kepentingan akar umbi kepada pihak berwajib dan pucuk pimpinan negara dan seterusnya memupuk budaya ilmu dan menghormati ilmu dalam kalangan masyarakat umum untuk memartabatkan kesarjanaan.

Seyogia diingatkan, meskipun ini merupakan mesyuarat pertama bagi MPN Chapter UMS, UMS sebenarnya telahpun melaksanakan aktiviti forum Advokasi Ilmuwan pada 22 Disember 2016 dengan topik “Terjaminkah Keselamatan Sabah?” yang mana sangat relevan dengan senario semasa di Sabah. Selain itu, Program Majlis Profesor Negara Bersama Masyarakat Sabah juga telah diadakan pada 27 Mac hingga 2 April 2017 yang melibatkan kerjasama daripada kerajaan Negeri Sabah, UMS, Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta agensi-agensi di negeri Sabah.

Program ini merupakan platform para profesor untuk turun padang bagi memahami keadaan dan situasi semasa seterusnya dapat menyumbang idea-idea untuk pembangunan sosioekonomi dan sosiobudaya masyarakat setempat. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Majlis Profesor Negara (MPN) telah mengisyiharkan dirinya sebagai “pemikir negara.”

Ungkapan ini diguna pakai berdasarkan hakikat bahawa para ilmuwan perlu dan boleh membantu institusi negara memikirkan kaedah yang terbaik untuk merancakkan lagi proses pembangunan dan mempertahankan segala kepentingannya. Justeru itu, pertemuan para pemikir negara versi UMS pada petang ini mematri catatan sejarah, secara rasmi kita sama-sama bersatu hati, seia sekata bersama bertanggungjawab untuk menyuburkan budaya ilmu bukan sahaja di dalam UMS tetapi dipencarkan dalam kehidupan masyarakat setempat.

Nikmat dan anugerah yang Tuhan pinjamkan telah meletakkan kita pada kedudukan sekarang, maka seikhlasnya kita wajar berkongsi ilmu bermanfaat untuk masyarakat.

### **Hadirlin dan hadirat yang saya hormati sekalian**

Galuran sejarah mencatatkan perubahan gadang terhadap kehidupan masyarakat manusia dalam setiap era revolusi industri.

Selaku tenaga akademik di universiti, kita berperanan untuk melahirkan intelektual atau pemikir muda yang akan mewarisi tradisi keilmuan. Jika universiti itu Taman Ilmu, maka mahasiswa adalah bunga-bunga dan dedaunan yang dibaja cantik di dalamnya. Matahari, hujan dan tanah merupakan bahan asas yang ada tapi ia tumbuh berakar dengan berbeda keperluan dan kepentingan. Kebebasan untuk mahasiswa bertumbuh cambah akal, ilmu dan fikiran perlu ada kerana permintaan di luar sana rencam sifatnya.

Awal sudah disuratkan, "tidak berubah nasib kalau bukan sendiri yang mengubahnya." Sebagai pemikir negara, sewajarnya kita yang mempengaruhi, melakarkan kanvas pemikiran masyarakat luar ke arah yang lebih baik. Bukan membiarkan pemikiran dari luar pula dibawa masuk dan mempengaruhi masyarakat universiti. Sekiranya ini yang berlaku, maka gagasan profesor sebagai pemikir negara, apabila hanya berakhir menjadi pengakur sahaja kepada suntikan idea-idea dari luar.

Syed Hussein Alattas sudah lama menegaskan, "Kelemahan kaum intelektual akan meneruskan revolusi kaum pandir."

Saya percaya, kita tidak akan sewenang-wenangnya membiarkan revolusi kaum pandir mewarnai budaya ilmu dalam universiti. Maka, apa yang kita lakukan pada hari ini sangat penting, demi mendukung tradisi ilmu, demi kesejahteraan masyarakat setempat.

Bagi menyokong urusan pentadbiran MPN Chapter UMS ini, saya telah meluluskan peruntukan ruang pejabat dan seorang staf sokongan bagi memudahkan pengurusan berkaitan penganjuran aktiviti MPN Chapter UMS pada masa akan datang.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah atas inisiatif ini. Harapan saya momentum baik ini akan berterusan dan lebih banyak lagi wacana ilmiah boleh dilaksanakan pada masa hadapan.

Maka, dengan lafaz '**Bismillahirrahmanirrahim'**  
saya merasmikan program Majlis Profesor Negara  
(MPN) Chapter UMS pada hari ini.

Sekian.      Wabillahi      Taufik      Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh